



**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
MERANGKAP PENERUSI YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA**

**MAJLIS TANDATANGAN MOU
YKN- BINTULU PORT
PENUBUHAN ANJUNG KASIH YKN HOSPITAL BINTULU**

**19 SEPTEMBER 2024 | 9.00am
Perkarangan Lobi Hospital Bintulu
Jalan Nyabau, 97000 Bintulu, Sarawak.**

Kemaskini: 18 Sept 2024

Terima kasih Pengerusi Majlis.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam sejahtera dan Salam Malaysia Madani,**

(SALUTASI AKAN DISEDIAKAN)

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya dapat kita berkumpul bagi menyaksikan Majlis Tandatangani MOU antara Yayasan Kebajikan Negara dengan Bintulu Port bagi penubuhan Anjung Kasih YKN Hospital Bintulu pada pagi ini.
2. Saya amat mengalu alukan kehadiran **Yang Berusaha Encik Ruslan Abdul Ghani**, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bintulu Port Holdings Berhad, **Yang Berusaha Dr. Veronica**

Lugah, Pengarah Kesihatan Negeri Sarawak yang turut bersama untuk merealisasikan kerjasama ini bagi menubuhkan Anjung Kasih YKN di sini.

PENGENALAN YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA

3. Yayasan Kebajikan Negara (YKN) yang merupakan sebuah Badan Pemegang Amanah ditubuhkan bagi membantu meningkatkan taraf hidup rakyat khususnya yang melibatkan keluarga dan kanak-kanak. Bagi mencapai matlamat tersebut YKN telah menjalankan pelbagai aktiviti dan program yang

meliputi bidang-bidang kebajikan, kesihatan, dan pendidikan sebagaimana yang dikehendaki oleh Surat Iktan Amanah.

ANJUNG KASIH YKN

4. Dalam usaha mempelbagaikan perkhidmatan kebajikan dan kesihatan, YKN telah mengambil pendekatan proaktif dalam bidang medico-sosio melalui penubuhan Anjung Kasih YKN iaitu menyediakan kemudahan penginapan kepada waris pesakit yang mengiringi pesakit atau menemani pesakit di hospital kerajaan.

5. Pada masa kini terdapat 19 buah Anjung Kasih yang telah beroperasi sepenuhnya di seluruh negara dan telah memberi manfaat kepada 104,714 orang penghuni sejak ia mula beroperasi pada tahun 2006 secara berperingkat. Anjung Kasih YKN Hospital Bintulu yang akan ditubuhkan ini merupakan Anjung Kasih YKN yang ke-4 di Sarawak selepas Hospital Umum Sarawak, Hospital Sibu dan Hospital Miri.
6. Objektif penubuhan Anjung Kasih ini adalah menyediakan penginapan mesra insan bagi pesakit atau waris pesakit ketika menerima rawatan di hospital. Pesakit yang sedang menerima

rawatan memerlukan bantuan menguruskan pesakit serta sokongan emosi daripada ahli keluarga atau waris. Dengan kewujudan Anjung Kasih YKN dapat meringankan bebanan perbelanjaan serta masa untuk berulang alik dari rumah ke hospital disamping mengeratkan lagi ikatan kasih sayang antara keluarga.

SUMBANGAN RAKAN STRATEGIK YKN

7. Hari ini kita semua bakal menyaksikan perjanjian yang akan ditandatangani antara YKN dengan Bintulu Port yang menaja

sepenuhnya penubuhan Anjung Kasih YKN di Hospital Bintulu. Kolaborasi strategik ini akan memberi manfaat kepada masyarakat yang mendapatkan khidmat rawatan di sini.

8. Saya difahamkan pihak Bintulu Port telah sudi menaja sejumlah RM1 juta bagi penubuhan Anjung Kasih ini. Terima kasih Bintulu Port kerana sudi menyumbang kepada projek ini! Tidak lupa juga kepada Kementerian Kesihatan Malaysia khususnya pihak Hospital Bintulu yang bersama dari awal lawatan ke bangunan cadangan dalam penubuhan Anjung Kasih ini.

9. Sungguhnyha usaha murni tanggungjawab sosial korporat yang ditunjukkan oleh Bintulu Port amat membanggakan dan dapat menjadi contoh kepada syarikat korporat lain untuk sama-sama membantu mereka yang memerlukan. Saya amat mengalu-alukan dan menyeru agar lebih banyak lagi sumbangan daripada korporat, NGO atau orang perseorangan dalam usaha YKN membantu golongan yang memerlukan.
10. Kerajaan sentiasa prihatin dan mengambil berat terhadap kebajikan serta keperluan setiap golongan masyarakat di

negara ini. Antara perkara yang diberi penekanan ialah membantu golongan yang memerlukan atau golongan yang susah agar dapat turut serta menjalani kehidupan yang selesa seperti yang lain dalam memastikan hasrat murni kerajaan dapat direalisasikan dengan jayanya.

11. Anjung Kasih secara tidak langsung dapat membantu pihak hospital mengatasi masalah kepadatan waris pesakit di wad dan mengurangkan risiko waris pesakit daripada terdedah kepada risiko jangkitan penyakit.

12. Sekali lagi saya mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak Bintulu Port sebagai penaja utama, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia serta mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung bagi menubuhkan Anjung Kasih YKN Hospital Bintulu. Tahniah dan syabas kepada semua.

13. Saya menyeru kepada semua terutama syarikat-syarikat swasta untuk bersama-sama dengan Kerajaan dalam usaha meningkatkan kemudahan untuk kesejahteraan rakyat.

Sempena Hari Malaysia, saya juga mengambil kesempatan menyeru semua supaya terus menerapkan nilai semangat patriotik dan cintakan negara, nilai-nilai murni dan kasih sayang dalam diri masing-masing demi memastikan keharmonian dan kesejahteraan negara.

14. Akhir kata, semoga urusan menubuhkan Anjung Kasih YKN Hospital Bintulu ini berjalan dengan lancar dan dipermudahkan.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Haji Shukri
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
Merangkap Pengerusi Yayasan Kebajikan Negara
19 September 2024 (Khamis)